

KUALA LUMPUR, 22 DIS (BERNAMA)-- KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK TELAH BERSETUJU MELAKSANAKAN AKTA PELAJARAN 1961, DENGAN BEBERAPA PINDAAN, DI SARAWAK MULAI 1 JANUARI, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEBELUM BERLEPAS KE INDONESIA UNTUK KUNJUNGAN TIDAK RASMI SELAMA 11 HARI, BELIAU BERKATA, LANGKAH TERSEBUT ADALAH SELARAS DENGAN RANCANGAN KERAJAAN MENJADIKAN BAHASA MALAYSIA BAHASA PENGANTAR DI SEMUA SEKOLAH INGGERIS DI NEGARA INI.

DI SARAWAK, PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR AKAN DILAKSANAKAN BERPERINGKAT-PERINGKAT SEPERTI YANG DIJALANKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

DR. MAHATHIR BERKATA, SEKARANG BAHASA MALAYSIA HANYA DIAJAR SEBAGAI SATU MATA PELAJARAN SAHAJA DI SEMUA SEKOLAH DI SARAWAK.

DENGAN PERLAKSANAAN AKTA TERSEBUT DI NEGERI ITU, BAHASA MALAYSIA AKAN DIJADIKAN SATU MATA PELAJARAN WAJIB BAGI DARJAH SATU DI SEMUA SEKOLAH KERAJAAN DAN BANTUAN KERAJAAN. --BERSAMBUNG 1758/MD

585:

AKTA 2 KUALA LUMPUR

KENTERIANNYA SEDANG MERANCANG SATU KURSUS INTENSIF UNTUK MELATIH PARA GURU DI SARAWAK DAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA DALAM USAHA MENAMBAH BILANGAN GURU BAHASA MALAYSIA DI SELURUH NEGARA.

KATANYA, BAHASA MALAYSIA AKAN DIJADIKAN BAHASA MENGAJAR BAGI DARJAH SATU DI SEMUA SEKOLAH INGGERIS RENDAH DI SARAWAK SEBAIK SAHAJA BILANGAN GURU YANG MAHIR MENGAJAR DALAM BAHASA TERSEBUT MENCUKUPI.

MENTERI ITU JUGA MENYATAKAN BAHAWA SEBUAH JAWATANKUASA SEMENTARA TELAH DIBENTUK UNTUK MENKKAJI PERLAKSANAAN AKTA PELAJARAN ITU DI SABAH.

+BAHASA MALAYSIA TELAH PUN DIAJAR DI KEBANYAKAN SEKOLAH DI NEGERI ITU DAN HANYA MENUNGGU MASA DILAKSANAKAN DAN DITERIMA OLEH MEREKA,+ KATANYA. --BERNAMA 1702/MD